

01/08/2002

Hidupkan semula konsep keluarga besar: PM

Kadir Dikoh; Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, rakyat negara ini tidak perlu meniru konsep kekeluargaan Barat, sebaliknya mengekalkan budaya sendiri yang menghargai institusi perkahwinan dan keluarga.

Perdana Menteri berkata, di negara maju di Barat, konsep kekeluargaan sudah hilang kerana masyarakatnya tidak lagi pentingkan institusi keluarga dan tidak mempercayai perkahwinan.

"Mereka tidak pentingkan keluarga, bahkan tidak percaya institusi perkahwinan patut diadakan.

"Kalau ada pun, ia adalah perkahwinan yang luar biasa seperti perkahwinan sesama lelaki atau sesama wanita.

"Malah, wanita yang tidak berkahwin dan mempunyai anak itu dianggap sebagai keluarga. Definisi keluarga sudah ditukar dan kita tidak perlu meniru definisi mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Program Utamakan Keluarga: Semakin Hari Semakin Sayang, anjuran Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga (LPPKN) di Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga di sini hari ini.

Turut hadir isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Datin Seri Endon Mahmood serta Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Dr Mahathir berkata, konsep keluarga besar tinggal serumah perlu dihidupkan semula kerana nilai mulia itu dapat menangkis pelbagai gejala sosial yang kian menular dalam masyarakat khususnya masyarakat bandar.

"Kita ingin menjadi negara maju menjelang tahun 2020 tetapi kita mahu pembangunan negara ini dalam acuan kita sendiri.

"Kerana itulah kita kena kekalkan nilai sistem kita. Saya harap semua dapat menyokong usaha untuk utamakan keluarga," katanya.

Perdana Menteri juga menyentuh mengenai persekitaran kehidupan masyarakat bandar yang kebanyakannya membabitkan ibu bapa bekerja dan kurang meluangkan masa secukupnya kepada anak-anak.

Beliau berkata, nilai hidup anak yang membesar dalam suasana itu sudah tentu akan rosak kerana mereka tidak faham erti kekeluargaan sehingga ada terbabit dengan masalah sosial dan jenayah.

Dr Mahathir berkata, satu panduan perlu disediakan kerana ramai yang masih tidak faham bagaimana menangani masalah hidup dalam bandar.

"Kalau kita boleh cari pendekatan baru untuk mendekatkan mereka semula supaya ibu bapa boleh habiskan masa berkualiti dengan anak-anak, kemungkinan keluarga akan bahagia," katanya.

Terdahulu, Shahrizat dalam ucapannya berkata Program Utamakan Keluarga mempunyai sepuluh prinsip asas yang akan dijelaskan kepada masyarakat iaitu kasih sayang, ceria bersama keluarga, komunikasi efektif, nilai kekeluargaan, keibubapaan cemerlang, imbangi kerjaya dan keluarga, keselamatan dan kesihatan, ekonomi keluarga, pendidikan dan kemahiran serta dasar mesra keluarga.

Antara program yang akan dijalankan ialah Kempen Kesedaran Peringkat Kebangsaan iaitu iklan di televisyen mengenai nilai kekeluargaan, pengedaran percuma poskad program berkenaan dan pengedaran pelekat kereta.

Beliau berkata, LPPKN juga akan membangunkan pakej 'Smart Start', iaitu pakej penerangan bagi pasangan yang baru mendirikan rumah tangga.

Pada masa yang sama, kerjasama dengan syarikat swasta akan diadakan bagi

meningkatkan kesadaran masyarakat terhadap langkah positif utamakan keluarga.